



## MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

### PEMBERITAHUAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dari semua kaum, termasuk orang kurang upaya (OKU). Keutamaan akan diberikan kepada **RAKYAT NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM** untuk mengisi jawatan berikut di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri :-

#### A. JAWATAN KOSONG

1	SKIM PERKHIDMATAN	:	PEGAWAI TADBIR N41/N44
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
	TARAF JAWATAN	:	TETAP
	JADUAL GAJI	:	RM 2,080.00-RM 9,546.00

#### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i)
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)(i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

( Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM 2,080.00) atau

- (ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik

( Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM 2,080.00) atau

(iii) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**( Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM 2,283.43).**

(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m;
- (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg;
- (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas;
- (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(iii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

#### **B. PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN**

- i) Imbuhan Tetap Perumahan
- ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
- iii) Bantuan Sara Hidup

C. CARA MEMOHON

- i) Permohonan hendaklah dibuat secara on-line di laman web Rasmi Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) iaitu <http://jawatan.mbip.gov.my>
- ii) Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 17 Bab A Tahun 2005 di bawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan penamatan Perkhidmatan).
- iii) Sebarang masalah berkaitan penjawatan sila hubungi **Encik Azrullail bin Masijan di talian 07-5555205** Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.
- iv) Sebarang kemusykilan sila hubungi **Encik Sadeli Bin Naiman ditalian 07-5555277 (pej)** Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

19 DEC 2018

Sebelum atau pada \_\_\_\_\_.

- E. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk dipanggil temuduga. Mereka yang tidak menerima sebarang jawapan atau yang tidak dihubungi hendaklah menganggap permohonan **TIDAK BERJAYA**. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggung jawab pemohon sendiri. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas 2 minggu dari tarikh temuduga dianggap tidak berjaya.
- F. Segala sijil kelayakan hendaklah diisi mengikut butiran sijil asal. Pihak Majlis berhak tidak membenarkan tuan/puan untuk ke sesi temuduga jika didapati butiran yang diisi tidak sama dengan sijil asal.

( DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD )  
Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri